

SIARAN AKHBAR



Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@lth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

TABUNG HAJI UMUM BONUS BAGI TAHUN KEWANGAN 2014

KUALA LUMPUR, Khamis, 22 Januari 2015 : Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini telah mengumumkan **Bonus Bagi Tahun Kewangan 2014** kepada para pendeposit **TH** dengan kadar sebanyak **6.25% sebagai Bonus Tahunan** dan tambahan **Bonus Haji** sebanyak **2.0%**.

Majlis pengumuman bonus tersebut berlangsung di Dewan Utama, Bangunan Ibu Pejabat **TH**, Kuala Lumpur dan disempurnakan oleh YB. Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Selain daripada menghargai kesetiaan pendeposit yang sentiasa yakin dan aktif menyimpan dana di **TH**, pemberian bonus tahun ini juga memberi keutamaan kepada para pendeposit yang belum menunaikan haji dan tabungan mereka ini kurang daripada jumlah Kos Haji. Mereka ini merupakan majoriti daripada jumlah keseluruhan pendeposit **TH**.

Pembayaran kedua-dua bonus tersebut berjumlah **RM3.2 bilion**, peningkatan **23.0%** berbanding jumlah tahun 2013 (RM2.6 bilion). Jumlah ini merupakan **pembayaran bonus tertinggi** sejak penubuhan **TH**.

Peningkatan pembayaran bonus ini berjaya dibuat kerana **TH** mencatatkan buat julung-julung kalinya keuntungan bersih selepas zakat **TH** 2014 **berjumlah RM3.3 bilion iaitu peningkatan sebanyak 24%** berbanding RM2.6 bilion bagi tahun 2013.

*“Tahun 2014 merupakan tahun yang sukar bagi Negara kita dan kita menjangkakan tahun 2015 akan lebih mencabar. Oleh itu, para pendeposit perlu sedar ‘hibah’ atau hadiah yang diberi oleh **TH** tidak boleh kekal dengan kadar meningkat kerana ianya bergantung kepada kemampuan kewangan dari tahun semasa ke semasa”,* kata YB. Mejar Jeneral Dato’ Seri Jamil Khir Bin Haji Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

*“Namun disebalik cabaran-cabaran tersebut, **TH** bertuah kerana masih dapat menjana pulangan yang baik, hasil pelaburan **TH** yang berhemah dan bertanggungjawab di dalam pelbagai sektor industri dan aktiviti-aktiviti pelaburan patuh syariahnya. **TH** juga sentiasa merangka pelbagai pelan perniagaan jangka pendek dan panjang, bagi memastikan penjanaan pulangan mampan”* tambah beliau.

Majlis tersebut juga turut dihadiri oleh YB. Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Abdul Rahim, Pengerusi **TH** dan YBhg. Tan Sri Ismee Ismail, Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, Ahli-ahli Lembaga Pengarah **TH** serta pegawai-pegawai kanan **TH**.

- Tamat -

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal. **TH** mempunyai 120 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.